

USIM tubuh pusat perkembangan naqli, aqli

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) akan menubuhkan Pusat Pengembangan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli pada tahun ini.

Penubuhan pusat itu bersempena Majlis Amanat Tahun Baharu 2015 oleh Naib Canselor USIM baru-baru ini.

Pusat rujukan integrasi ilmu naqli dan aqli setaraf antarabangsa itu sejajar dengan pembangunan negara dan kemanusiaan sejagat.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, USIM meletakkan sasaran menjadi universiti rujukan serantau dalam integrasi ilmu naqli dan aqli pada 2016 (USIM'16) dan global menjelang 2025 (USIM'25).

Katanya, pusat baharu ini bakal menjadi penggerak utama untuk merealisasikan hala tuju USIM iaitu menjadi universiti terkemuka dunia dalam integrasi ilmu naqli dan aqli melalui pendekatan pelan tindakan yang strategik, komprehensif dan efektif.

"Ia juga akan memainkan peranan untuk menyebarkan luas falsafah, prinsip dan amalan integrasi ilmu naqli dan aqli dalam kalangan masyarakat khususnya organisasi awam dan industri melalui seminar dan program.

"Bertepatan dengan pemilihan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN, inilah masanya USIM menonjol dalam falsafah yang kita wiridkan. Tahun 2015 inilah, kita perlu pacu segala usaha, rangka dan programkan segala perancangan supaya 2016 nanti, kitalah yang dicari dan dirujuk oleh rakan-rakan serantau sepuluh negara dalam komuniti Asean." katanya.

Pada majlis itu turut dilancarkan logo rasmi sambutan 15 Tahun USIM oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin.



DR. ABDUL SHUKOR HUSIN (empat dari kanan) bersama **Dr. Musa Ahmad** (empat dari kiri) melancarkan logo rasmi sambutan 15 tahun USIM di Nilai, Negeri Sembilan baru-baru ini.